

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
BILANGAN 1 TAHUN 2025**

**KADAR BAHARU BAGI BAYARAN PENDAFTARAN PELETAKHAKAN STATUTORI
(BERKANUN) DI BAWAH SEKSYEN 415 KANUN TANAH NEGARA (AKTA 828)
BERDASARKAN KAEDAH 21 KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai Kadar Baharu bagi Bayaran Pendaftaran Peletakhakan Statutori (Berkanun) di bawah Seksyen 415 Kanun Tanah Negara (Akta 828) berdasarkan Kaedah 21 Kaedah-kaedah Tanah Kelantan 1966.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 24/2024 yang bersidang pada 04 Disember 2024 telah meluluskan kadar baharu sebagaimana berikut:

- 2.1 Bayaran bagi pendaftaran Peletakhakan Statutori ke atas permohonan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) dikenakan dengan kadar RM1,000.00 untuk satu permohonan;
- 2.2 Bayaran bagi pendaftaran Peletakhakan Statutori ke atas permohonan selain daripada LPPSA dikenakan dengan kadar RM2,000.00 untuk satu permohonan; dan
- 2.3 Bayaran bagi pendaftaran Perintah Peletakhakan di bawah Seksyen 420 Kanun Tanah Negara (Akta 828) dikenakan dengan kadar RM200.00 untuk satu hakmilik.

3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa 01 April 2025 dan Pentadbir - pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.

DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, S.P.S.K., P.M.K(Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan;
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan;
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan;
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan;
5. YBM. Tengku Kaya Perkasa Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan;
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan;
7. YBrs. Pengarah Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN

FAIL : PTG.KN.4/4/101 Jilid 2 (3)
BERTARIKH : 03 MAC 2025